

7.5 Lembaga Perolehan¹⁶

7.5.1 Lembaga Perolehan di Jabatan Kerja Raya terbahagi kepada dua peringkat iaitu di peringkat Ibu Pejabat dan di peringkat Negeri. Di peringkat Ibu Pejabat, terdapat dua Lembaga Perolehan iaitu "Lembaga Perolehan 'A' JKR" (bagi tender bernilai melebihi RM20 Juta tetapi tidak melebihi RM100 Juta) dan "Lembaga Perolehan 'B' JKR" (bagi tender bernilai kurang dari RM20 Juta) . Di peringkat Kementerian Kerja Raya, terdapat dua Lembaga Perolehan iaitu "Lembaga Perolehan 'A' KKR" (bagi tender bernilai melebihi RM20 Juta tetapi tidak melebihi RM100 Juta) dan "Lembaga Perolehan 'B' KKR" (bagi tender bernilai kurang dari RM20 Juta).

7.5.2 Pelantikan Ahli Lembaga Perolehan

- (a) Ahli Lembaga Perolehan Persekutuan hendaklah dilantik oleh Menteri Kewangan dan ahli Lembaga Perolehan Negeri oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri. Penubuhan Lembaga Perolehan adalah diwajibkan dan diuruskan oleh Perbendaharaan atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Dalam keadaan tertentu, Kementerian Kewangan boleh menubuhkan Lembaga Perolehan Khusus bagi pelaksanaan projek-projek yang diberi peruntukan khas dari semasa ke semasa. Semua perolehan yang melibatkan peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan sama ada sebahagian atau sepenuhnya, hendaklah dibawa ke Lembaga Perolehan Persekutuan untuk pertimbangan dan keputusan.
- (b) Keahlian Lembaga Perolehan hendaklah diwartakan dalam Warta Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang mana berkenaan. Pewartaan bagi Lembaga Perolehan Persekutuan akan diuruskan oleh Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan, Pewartaan Lembaga Perolehan Badan Berkanun hendaklah diuruskan sendiri oleh Agensi berkenaan. Salinan warta hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan rekod.
- (c) Agensi Persekutuan hendaklah menubuhkan Lembaga Perolehan 'A' dan Lembaga Perolehan 'B'. Bagi Badan Berkanun Persekutuan, cadangan keahlian Lembaga Perolehan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian masing-masing.

¹⁶ SPP 9 Tahun 2009